

MAJLIS PERSADA INOVASI
PERKHIDMATAN AWAM
PERINGKAT NEGERI
SELANGOR TAHUN 2025


**MAJLIS PERBANDARAN
KAJANG**

**PENGURUSAN
BANTAHAN CUKAI
TAKSIRAN
MENGAMBIL MASA
YANG LAMA**

META-ASSESS



Oleh Kumpulan :



QUEST



**BORANG PENYERTAAN MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN
AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2025**

LATAR BELAKANG KUMPULAN

Nama Kumpulan	V-QUEST
Nama Organisasi	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
Alamat	MENARA MPKj, JALAN CEMPAKA PUTIH, OFF JALAN SEMENYIH, 43000 KAJANG, SELANGOR.
No Telefon & Faks	013-3056515
E - Mel	razali_kamaruddin@mpkj.gov.my
Tarikh kumpulan ditubuhkan	19 JANUARI 2023
Bilangan ahli	6 ORANG
Nama Ketua Kumpulan	Sr. MOHAMAD RAZALI BIN KAMARUDDIN
Nama Ahli	1. PN ANITA BINTI DOLLAH KOSNAN 2. PN NURSYAZA FAZREEN BINTI ABD WAHAB 3. PN SHAFINAS BINTI MOHAMMAD NASIR 4. EN MOHD BURHAN BIN ABDUL RAHMAN 5. EN ZULHELMI BIN AZIZAN
Nama Fasilitator (sekiranya ada)	
Nama projek	PENGURUSAN BANTAHAN CUKAI TAKSIRAN MENGAMBIL MASA YANG LAMA
Bidang inovasi	BIDANG PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
Kategori inovasi	KATEGORI INOVASI PENCIPTAAN
Tarikh mula projek	19 JANUARI 2023
Tarikh siap projek	6 NOVEMBER 2023

PENGESAHAN KETUA JABATAN

Pengesahan Ketua Jabatan / Agensi :

i) Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar dan projek ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi pada... 21/12/2022.

ii) Projek ini telah dipertandingkan diperingkat jabatan pada 15 November 2023

Tandatangan Ketua Jabatan / Agensi

Cop Jabatan / Agensi

MOHD FAREEZ BIN MOHD KRIS @ MOHD HATTA A.M.S.
Timbalan Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang

Tarikh : 24/12/2022

PENGESAHAN PANEL PENILAI (JIKA BERKAITAN)

Pengesahan

Panel :

Saya mengesahkan bahawa projek ini telah melalui proses penilaian pada..... dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Tandatangan Panel Penilai

Nama :

No. Kad Pengenalan:

Jawatan/Gred:

Jabatan/Agensi:

No.Siri:

Tarikh:



RINGKASAN PROJEK

Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) merupakan sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di dalam Selangor yang mengenakan cukai taksiran ke atas hartanah di dalam kawasan seliaan selaras kehendak Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). MPKj merupakan PBT di dalam Selangor yang mempunyai pegangan bercukai tertinggi iaitu hampir 400 ribu pegangan. Mana- mana pemilik harta yang tidak berpuas hati terhadap cukai taksiran yang dikenakan boleh membuat permohonan bantahan pada satu tempoh masa yang telah ditetapkan. Terdapat 3 keadaan dimana Notis Cukai Taksiran akan dikeluarkan dan pemilik harta boleh membuat permohonan bantahan cukai taksiran.

- a) **Pertama** : Pemilik harta menerima pindahmilik pertama pembelian hartanah daripada pemaju (contoh pembelian rumah baru)
- b) **Kedua** : Ketika mana PBT membuat pindaan cukai taksiran keatas harta tersebut seperti pindaan cukai taksiran tanah kosong kepada bangunan kediaman atau pindaan cukai taksiran akibat pertambahan ruang bangunan (renovation).
- c) **Ketiga** : Penilaian semula cukai taksiran iaitu semakan semula senarai nilai ke atas keseluruhan pegangan bercukai di dalam kawasan pentadbiran PBT tersebut.

Terdahulu, proses penerimaan permohonan bantahan Cukai Taksiran daripada pemilik harta adalah melalui surat-menyurat mengikut prosedur kerja yang kompleks dan sangat panjang. Kumpulan V-QUEST telah membuat satu alternatif penambahbaikan bagi prosedur kerja sediaada menjadi lebih efisien dan efektif dengan menggunakan teknologi IT.

Objektif inovasi ini adalah bagi memudahkan pemilik harta membuat permohonan Bantahan Cukai Taksiran, menjimatkan masa dan mempercepatkan proses kerja, menambahbaik prosedur Pengurusan Bantahan Cukai Taksiran, memelihara alam sekitar dengan mengurangkan penggunaan kertas dan petrol, meningkatkan imej organisasi Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) serta perkongsian hasil inovasi dengan semua Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia. Keunikan inovasi ini dilaksanakan secara “in-house” menggunakan gabungan teknologi sedia ada dengan kebolehan dan kepakaran kakitangan sendiri dengan kos sifar (Zero cost) pelantikan vendor serta memanfaatkan sepenuhnya teknologi sediaada, antaranya penggunaan kod imbas, google form, google sheet, emel dan mesyuarat dalam talian.

Inovasi ini memberikan impak kepada masyarakat dengan membudayakan masyarakat ke arah celik digital, menjimatkan masa dan kos seperti kos pengangkutan untuk hadir mesyuarat, mesra pelanggan kerana hanya memerlukan peranti mudah alih sahaja (telefon pintar/tablet/komputer riba dan jaringan internet) bagi permohonan bantahan Cukai Taksiran.





ISI KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN

- 1.1 LATAR BELAKANG PROJEK
- 1.2 LATAR BELAKANG KUMPULAN
- 1.3 LATAR BELAKANG PROJEK

2.0 SIGNIFIKASI PEMILIHAN PROJEK

- 2.1 KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN DAN ORGANISASI
- 2.2 MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN
- 2.3 SEJAJAR DENGAN AGENDA DAN MATLAMAT NASIONAL
- 2.4 KAITAN DENGAN KEADAAN EKOSISTEM SEMASA
- 2.5 KAEDAH PEMILIHAN PROJEK DAN ANALISIS
- 2.6 PENYATAAN SASARAN OUTCOME DAN IMPAK

3.0 TINDAKAN PENYELESAIAN

- 3.1 PENYELESAIAN DAN PEMBUKTIAN (APLIKASI PENGGUNAAN TOOLS)
 - 3.1.1 KAEDAH PERCAMBAHAN IDEA
- 3.2 PENGHASILAN & PENGUJIAN PROTOTAIP
- 3.3 PERAKUAN DARIPADA PIHAK BERTAULIAH /BERKUASA
- 3.4 PELAKSANAAN INOVASI

4.0 KEBERHASILAN PROJEK

- 4.1 OUTCOME PROJEK DAN PEMBUKTIAN
- 4.2 FAEDAH SAMPINGAN OUTCOME (LUAR JANGKA)
- 4.3 PENCAPAIAN IMPAK DAN PEMBUKTIAN
- 4.4 FAEDAH SAMPINGAN IMPAK (LUAR JANGKA)

5.0 POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK

- 5.1 TAHAP KETERSEDIAAN TEKNOLOGI/SISTEM/PROSES
- 5.2 TAHAP REPLIKASI ATAU PENGKOMERSIALAN
- 5.3 PENUTUP

6.0 LAMPIRAN



1.0 PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG ORGANISASI

Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) adalah suatu organisasi yang dikenali sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Objektif utama penubuhan PBT adalah untuk menyediakan perkhidmatan serta kemudahan-kemudahan awam kepada semua penduduk di dalam kawasan pentadbirannya bagi meningkatkan kesejahteraan dan keselesaan penduduk dan bukannya bertujuan membuat keuntungan.

Pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan adalah berasaskan tiga sumber iaitu hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Caj yang dikenakan ke atas sewaan harta seperti dewan, gelanggang dan sebagainya adalah termasuk dalam kategori hasil bukan cukai. Kenaan sewaan harta ini bukan untuk mendapatkan keuntungan, sebaliknya kos yang dikenakan bagi sewaan adalah sangat minimum. Caj yang minimum ini dikenakan untuk memastikan bangunan-bangunan kerajaan dapat di selenggara dan dijaga dengan baik. Setiap hasil yang dikutip oleh PBT seterusnya akan dikembalikan kepada rakyat dengan memberikan perkhidmatan seperti penyelenggaraan jalan dan bangunan, kutipan sampah, pembersihan longkang, pemotongan rumput dan sebagainya

Kumpulan ini ditubuhkan di bawah pentadbiran organisasi MPKj yang terdahulunya dikenali sebagai Majlis Daerah Hulu Langat. Ianya telah beroperasi sejak 1hb. Januari 1986 dan seterusnya ditubuhkan secara rasmi pada 1hb. Januari 1997 sebagai Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).

- Kawasan pentadbiran MPKj meliputi Mukim Kajang, Mukim Cheras, Mukim Semenyih, Mukim Beranang dan Mukim Hulu Langat.
- Visi : Bandaraya berdaya huni menjana ekonomi negara.
- Misi : Pembangunan seimbang yang menekankan konsep daya huni serta kehidupan lestari penajaan ekonomi setempat ke arah bandaraya sejahtera

1.2 LATAR BELAKANG KUMPULAN

Penubuhan kumpulan KIK yang diberi nama V-QUEST telah ditubuhkan pada 19hb. Januari 2023. V-Quest adalah singkatan daripada perkataan "Vision Quest" yang bermaksud Misi Pencarian. Ini bermaksud kumpulan ini mempunyai misi bagi mencari titik pertemuan bagi memenuhi kepuasan pelanggan organisasi. Kumpulan ini dianggotai oleh 6 orang ahli kumpulan. **(Lampiran 1)**

1.3 LATAR BELAKANG PROJEK

Secara umumnya, penguatkuasaan Cukai Taksiran oleh PBT melalui 2 kaedah, iaitu penguatkuasaan bagi tiap-tiap 5 tahun menurut Seksyen 137, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan penguatkuasaan 2 kali setahun bagi tiap-tiap tahun menurut Seksyen 127 & Seksyen 133, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Bagi tiap-tiap 5 tahun atau suatu tempoh masa yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, pihak PBT hendaklah menyediakan dan menyiapkan Senarai Nilai Baru. Senarai Nilai Baru ini disediakan bagi meminda Senarai Nilai sedia ada yang telah digunakan oleh PBT. Bagi MPKj, dianggarkan jumlah pegangan harta bercukai di MPKj telah mencecah hampir 400,000 pegangan (**Lampiran 2**), menjadikannya yang tertinggi di antara PBT di Negeri Selangor.

Manakala, bagi penguatkuasaan Cukai Taksiran 2 kali setahun iaitu pada Penggal Januari dan Julai bagi tiap-tiap tahun adalah lebih kurang purata sebanyak 5,000 pegangan (**Lampiran 3**). MPKj diantara PBT yang sedang pesat pembangunan yang kini pembangunannya adalah sedang tertumpu di Mukim Semenyih dan Beranang. Pertambahan pegangan ini dijangka akan terus meningkat dari masa ke semasa.

Oleh yang demikian, mana pemilik harta yang berasa terkilan atau tidak berpuas hati dengan penaksiran cukai yang dikenakan tersebut boleh mengemukakan permohonan bantahan cukai taksiran berdasarkan Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Kerajaan negeri juga telah memberikan kelulusan untuk penilaian semula cukai taksiran yang menjadi faktor pendorong bagi MPKj untuk meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan. Tambahan pula, berdasarkan piagam pelanggan dan sasaran perkhidmatan, kaji selidik yang dijalankan di kalangan kakitangan mendapati bahawa proses pengurusan bantahan cukai mengambil masa yang agak lama dan rumit serta penggunaan bahan seperti kertas yang banyak.

Bagi meningkatkan pengalaman pelanggan berurusan dengan MPKj serta memudahkan pengendalian proses kerja oleh kakitangan MPKj, suatu projek yang diberi nama **Meta-Assess** telah diwujudkan yang bertujuan untuk mempercepatkan proses permohonan bantahan cukai taksiran. Proses ini memudahkan pemilik harta yang membuat bantahan yang mana permohonan bantahan hanya boleh dibuat secara dalam talian dan pengurusan bantahan menjadi lebih efektif kerana melibatkan penjimatan masa, tenaga kerja, kos seperti sumber kertas, bahan api, setem dan lain-lain sumber yang terlibat.

Justeru itu, Kumpulan V-Quest telah merangka carta perbatuan yang menerangkan dengan lebih terperinci mengenai projek ini (**Lampiran 4**).

2.0 SIGNIFIKASI PEMILIHAN PROJEK

2.1 KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN/ ORGANISASI

Meta-Assess memenuhi salah satu objektif organisasi Majlis Perbandaran Kajang, iaitu “Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) komited dalam memberi perkhidmatan pengurusan perbandaran yang efisien, berkualiti dan bertanggungjawab bagi memastikan kepuasan pelanggan. Dalam konteks inovasi ini, pelanggan adalah merujuk kepada kakitangan MPKj.(**Lampiran 5**)

2.2 MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN

Berdasarkan hasil kaji selidik yang dijalankan terhadap pelanggan, iaitu kakitangan Jabatan Penilaian MPKj, didapati bahawa 90% daripada mereka tidak berpuas hati dengan prosedur kerja sedia ada yang dianggap rumit dan memakan masa yang lama untuk diselesaikan.

2.3 SEJAJAR DENGAN AGENDA DAN MATLAMAT NASIONAL

Meta-Assess mengemaskini proses kerja sedia ada bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan seperti pemilik harta yang membuat bantahan cukai taksiran, ahli majlis dan lain-lain. Ini sejajar dengan **RMKe-12 (2021-2025)**, Pemangkin Dasar 4 iaitu memperkukuh perkhidmatan awam. Dasar ini menekankan transformasi perkhidmatan awam bagi mewujudkan organisasi yang lebih mendatar sekaligus mengurangkan karenah birokrasi, meningkatkan ketelusan serta menggunakan sumber secara optimum(**Lampiran 6**)

Selain itu, berdasarkan **Rangka Kerja Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan (2022-2030)**, menyatakan “Dalam mendepani cabaran era globalisasi ini, pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu melaksanakan peranan yang lebih besar dalam menyediakan kualiti perkhidmatan perbandaran yang terbaik dalam lokaliti masing-masing”. PBT perlu menyediakan dan memperbaiki dari masa ke semasa kualiti perkhidmatan yang disampaikan bagi memenuhi kepuasan dan pengalaman pelanggan berurusan dengan pihak PBT. (**Lampiran 7**)

Meta-Assess juga menyokong Garis Panduan ‘**Sustainable Development Goals oleh “United Nation”**’ yang mana ianya menekankan “Goal 13: Climate Action” iaitu Inovasi dan Teknologi: Kemajuan dalam teknologi, seperti penangkapan dan penyimpanan karbon, kenderaan elektrik dan sistem grid pintar, adalah penting untuk memudahkan peralihan kepada ekonomi rendah karbon. Selain itu, ianya juga bertepatan dengan “Goal 15: Life of Land” iaitu Ekosistem Hutan: Kawasan padat dengan pelbagai pokok, tumbuhan dan haiwan. Contohnya termasuk hutan hujan tropika dan hutan sederhana (**Lampiran 8**)

2.4 KAITAN DENGAN KEADAAN EKOSISTEM SEMASA

Bertepatan dengan ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 7hb Mei 2024 menyatakan “**Penjawat awam cekap, pantas bantu lonjak kemajuan negara**”, Meta-Assess menekankan penambahbaikan prosedur kerja sediada bagi merealisasikan amanat ini. **(Lampiran 9)**

Berdasarkan keratan akhbar tempatan Bernama pada 10hb September 2024, Ketua Setiausaha Negara (KSN) menyatakan **kewujudan ‘Little Napoleon’, budaya kerja ‘in-silo’ belunggu utama perkhidmatan awam**. Petikan dari akhbar tersebut menyatakan antara cabaran dalam perkhidmatan awam ialah mentaliti bekerja secara in-silo dan birokrasi yang masih kuat mengakar dan berumbi, dalam sesetengah agensi kerajaan. Bagi mana-mana permohonan mengambil masa yang lama dan panjang yang akhirnya ekspektasi pihak berkepentingan dan pelanggan tidak dapat dipenuhi. **(Lampiran 10)**

Selain itu, berdasarkan keratan akhbar tempatan MyMetro pada 17hb Disember 2024, ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal berkata, tanggapan negatif boleh diubah jika semua penjawat awam di kaunter perkhidmatan dapat melaksanakan tugas mereka serta sensitif dengan keadaan sekeliling serta memastikan khidmat kaunter terpuji. **(Lampiran 11)**

2.5 KAEDAH PEMILIHAN PROJEK DAN ANALISIS

Ahli Kumpulan V-Quest telah mengadakan sesi perbincangan dan percambahan idea bagi mengenalpasti isu yang perlu diketengahkan dan ditambahbaik. Isu-isu yang telah dikenal pasti dengan menggunakan kaedah “**Brainstorming**” bagi mengenal pasti punca masalah **(Lampiran 12)** dan seterusnya menggunakan **Analisis Data Metrik** bagi serta merangka penyelesaian yang berkesan. **(Lampiran 13)**

Setelah meneliti permasalahan secara terperinci, beberapa peluang penambahbaikan telah dikenalpasti. Bagi menyokong usaha penyelesaian yang lebih efektif dan kreatif, pendekatan “**5W+1H**” **(Lampiran 14)** dan **Analisa Proses Kerja** **(Lampiran 15)**

2.6 PENYATAAN SASARAN OUTCOME DAN IMPAK (PROSES KERJA MASA)

Kumpulan V-QUEST menyasarkan beberapa outcome untuk dicapai berdasarkan Kaedah **SMART (Lampiran 16)**. Hasil dari kaedah itu, telah mendapati sasaran berikut:

Sasaran Outcome

1. Mempercepatkan proses pengurusan bantahan cukai taksiran daripada 272 jam kepada 120 jam.
2. Pengurangan beban kerja kakitangan bagi proses permohonan bantahan daripada 9 kepada 7 langkah.
3. Penjimatan kos urusan pelanggan sebanyak 20% daripada RM 11,700/400 pelanggan
(RM 29.40/pelanggan)

Sasaran Impak

1. Penjimatan kos pengurusan organisasi sebanyak 50% daripada RM2,628.00 setahun.
2. Meningkatkan tahap kepuasan pelanggan sebanyak 20% daripada hasil kaji selidik sebanyak 15 orang

3.0 TINDAKAN PENYELESAIAN DAN PEMBUKTIAN

3.1 PENYELESAIAN DAN PEMBUKTIAN (APLIKASI PENGGUNAAN TOOLS)

Kaedah temubual dijalankan pada 19hb Februari 2023 dengan melibatkan seramai 10 orang responden yang mana 6 orang kakitangan Jabatan Penilaian dan 4 orang awam. Hasil daripada temubual kepada kakitangan jabatan penilaian menyatakan ketidakpuasan hati mengenai kesukaran menyediakan jadual permohonan bantahan cukai taksiran, tempoh masa yang lama bagi urusan surat-menyurat permohonan bantahan, lambakan kertas serta ketiadaan maklumat lengkap bagi memproses permohonan bantahan cukai taksiran. Manakala hasil daripada temubual kepada orang awam mendapati kesukaran membuat surat permohonan bantahan cukai taksiran, kekangan bagi hadir Mesyuarat Mendengar Bantahan Cukai Taksiran MPKj dan lain-lain .

Seterusnya, **kaedah “Point Of View (POV)”**(Lampiran 17) mendapati objektif Meta-Assess adalah:

- a. Membantu mewujudkan proses bantahan yang lebih cepat
- b. Memendekkan sela waktu setiap proses bantahan
- c. Menyediakan borang standard yang memenuhi kehendak permohonan
- d. Membuat proses kerja secara atas talian
- e. Membuat permohonan secara atas talian

Berdasarkan objektif tersebut, kaedah “**Gambar Rajah Pokok (Tree Diagram)”** mendapati cadangan penyelesaian paling ideal adalah: (Lampiran 18).

- a. Mewujudkan kod imbas
- b. Membangunkan sistem
- c. Mengkaji semula proses kerja
- d. Melaksanakan proses kerja secara atas talian
- e. Melaksanakan permohonan bantahan secara atas talian
- f. Menyediakan ruangan mandatori bagi permohonan bantahan
- g. Menolak permohonan yang tidak lengkap

3.1.1 KAEDAH PERCAMBAHAN IDEA

Kumpulan V-QUEST melaksanakan percambahan fikiran mengenalpasti cadangan penyelesaian atau inovasi bagi mengatasi setiap sebab/punca paling mungkin yang mengakibatkan masalah menggunakan kaedah Rajah Pokok (Tree Diagram) . Berdasarkan cadangan penyelesaian yang di senaraikan, dua (2) tindakan penyelesaian yang ditentukan adalah mencipta kod imbas bagi permohonan bantahan cukai taksiran dan menyediakan prosedur kerja yang lebih efektif.

3.2 PENGHASILAN DAN PENGUJIAN PROTOTAIP

PROTOTAIP 1

Kumpulan V-QUEST telah mewujudkan Kod QR di dalam notis yang disampaikan kepada para pembantah. Pembantah perlu mengimbas Kod QR tersebut dan perlu memuat turun borang permohonan bantahan. Selepas memuat turun pembantah perlu mengisi borang tersebut dan menyerahkan kembali kepada kakitangan melalui pos/email. **Borang Permohonan Bantahan (Lampiran 19)**

UJI CUBA 1

PERKARA	TARIKH UJI CUBA	RESPONDAN	SASARAN	KEPUTUSAN
Mewujudkan Kod QR dan Borang permohonan	9 Jun 2023	10 Orang Kakitangan memuat turun borang, mengisi dan menghantar semula melalui pos.	1. Mempercepatkan proses pengurusan bantahan cukai taksiran daripada 272 jam kepada 120 jam. 2. Pengurangan beban kerja kakitangan bagi proses permohonan bantahan daripada 9 kepada 7 langkah 3. Penjimatan kos urusan pelanggan sebanyak 20%	GAGAL 1. Terdapat 3 borang yang diterima melalui pos melebihi 120 jam. 2. Tiada pengurangan beban kerja 3. Pelanggan perlu mengeluarkan kos untuk pos kembali borang permohonan

PROTOTAIP 2

Kumpulan V-QUEST telah mewujudkan Kod QR di dalam notis yang disampaikan kepada para pembantah dan menghubungkan kepada Borang Google. Pembantah perlu mengimbas Kod QR tersebut dan menekan pautan yang diberikan untuk masuk ke dalam Borang Google dan mengisi Borang Google tersebut. (Lampiran 20)

UJI CUBA 2

PERKARA	TARIKH UJI CUBA	RESPONDAN	SASARAN	KEPUTUSAN
Mewujudkan Kod QR dan pautan Borang permohonan di dalam Borang Google.	3 Julai 2023	10 Orang Kakitangan memuat turun dan mengisi Borang Google.	1. Mempercepatkan proses pengurusan bantahan cukai taksiran daripada 272 jam kepada 120 jam. 2. Pengurangan beban kerja kakitangan bagi proses permohonan bantahan daripada 9 kepada 7 langkah 3. Penjimatan kos urusan pelanggan sebanyak 20%	LULUS 1. kesemua permohonan melepasi tempoh sasaran malah lebih rendah 64 jam 2. Beban kerja kakitangan dapat dikurangkan kepada 7 langkah. 3. Penjimat kos urusan pelanggan dapat diijimatkan sebanyak 100%



TAMBAH NILAI

Kumpulan V-QUEST turut menambah nilai dengan menjadikan Borang Google sebagai platform untuk pengesahan kehadiran ke Mesyuarat Mendengar Bantahan. Para pembantah juga diberikan pilihan untuk menghadiri mesyuarat tersebut sama ada secara bersemuka atau dalam talian.

RINGKASAN HASIL INOVASI

Ringkasan hasil inovasi Meta- Assess ini adalah seperti pada **(Lampiran 20)**.

3.2 PERAKUAN DARIPADA PIHAK BERTAULIAH /BERKUASA

Pihak pentadbiran MPKj memperakukan Meta-Assess telah berjaya mempercepatkan proses permohonan bantahan. Pihak pentadbiran juga menyokong inisiatif jabatan dalam penjimatan penggunaan sumber kertas dalam prosedur bantahan cukai taksiran. Selain dari itu, inovasi Meta-Assess adalah model terbaik amalan dalam pengurusan bantahan dan pemangkin kepada budaya inovasi dalam perkhidmatan awam.

3.3 PELAKSANAAN INOVASI

Inovasi ini dijangka bersedia untuk dikembangkan penggunaannya kepada Pihak Berkuasa Tempatan seluruh selangor dan seterusnya seluruh negara. Selepas pelaksanaan Meta-Assess ini, pihak organisasi mendapat kunjungan daripada beberapa buah PBT seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi mempelajari proses kerja yang telah dilaksanakan ini. **(Lampiran 21)**

4.0 KEBERHASILAN PROJEK

4.1 OUTCOME PROJEK DAN PEMBUKTIAN

SASARAN 1:

Mempercepatkan proses pengurusan bantahan cukai taksiran daripada 272 jam kepada 120 jam.

Pencapaian :

Kumpulan V-QUEST menyasarkan proses kerja dapat diselesaikan dalam masa 120 jam, namun ianya dapat diselesaikan dalam masa 64 jam sahaja. Oleh itu, ianya melebihi sasaran yang dikehendaki.

- Proses diselesaikan dalam 64 jam (66.67% lebih pantas daripada sasaran)

Pembuktian:

Carta Alir Proses Kerja perbandingan masa proses sebelum dan selepas inovasi.

(Lampiran 22)

Faktor Kejayaan:

- Penggantian borang fizikal dengan sistem digital (Google Form + QR code) menjadikan proses kerja lebih mudah.
- Data diproses daripada Google Form untuk menyediakan jadual bantahan. Tiada lagi lambakan surat-menyurat yang melambatkan proses pengurusan bantahan.
- Proses maklumbalas permohonan dilaksanakan secara dalam talian (e mel)

SASARAN 2:

Pengurangan beban kerja kakitangan bagi proses permohonan bantahan daripada 9 kepada 7 langkah.

Pencapaian:

Meta-Asses berjaya memendekkan proses kerja sediaada kepada 7 langkah. Proses kerja minit dan pengasingan permohonan bantahan dimansuhkan.

- Pengurangan beban Kerja yang mana sistem automatik menghapuskan tugas manual (contoh: penginputan data, pengesahan dokumen)
- Kakitangan boleh fokus pada tugas analitik bernilai tinggi

SASARAN 3:

Penjimatan kos urusan pelanggan(pembantah) sebanyak 20% daripada RM 11,700 per 400 pelanggan (RM 29.40 per pelanggan)

Pencapaian:

- Projek ini telah berjaya menurunkan kos pelanggan kepada sifar.
- Penjimatan Kos : Tiada kos cetak, pos, atau pengangkutan fizikal

Pembuktian:

- Jadual penjimatan kos perjalanan pelanggan.(**Lampiran 23**)
- Jadual penjimatan kos pos permohonan bantahan.(**Lampiran 24**)

4.2 FAEDAH SAMPINGAN OUTCOME (LUAR JANGKA)

- Proses oleh pelanggan lebih mudah dan cepat. Penggantian borang fizikal dengan sistem digital (Google Form + QR code)
- Mesyuarat dalam talian (Google Meet) bersekali mesyuarat secara fizikal dapat mempercepatkan masa perjalanan mesyuarat bantahan.
- Dapat menjimatkan kos pelantikan vendor kerana inovasi Meta-Asses dilaksanakan dengan kemahiran kakitangan sendiri
- Imej Majlis dapat dipertingkatkan

4.3 PENCAPAIAN IMPAK

SASARAN IMPAK 1:

Penjimatan kos pengurusan organisasi sebanyak 50% daripada RM2,628.00 setahun.

Pencapaian:

- Projek ini telah berjaya menurunkan kos pengurusan organisasi kepada RM 147.36. Penjimatan kos sebanyak **RM2,480.64** iaitu **94.39%** penjimatan daripada kos asal. **44.39%** melebihi sasaran.
- Penjimatan Kos - Tiada kos cetak dan pos.

Pembuktian:

Jadual penjimatan kos pengurusan.(**Lampiran 25**)

SASARAN IMPAK 2:

Meningkatkan tahap kepuasan pelanggan sebanyak 20% daripada hasil kaji selidik sebanyak 15 orang

Pencapaian:

Tinjauan pelanggan(kakitangan Jabatan Penilaian MPKj) secara rawak telah menunjukkan 93.33% iaitu 14 orang daripada kakitangan berpuas hati dengan inovasi Meta-Asses dan bersetuju proses kerja pengurusan bantahan menjadi lebih mudah dan cepat.

Pembuktian:

Borang soal selidik (**Lampiran 26**)

4.4 FAEDAH SAMPINGAN IMPAK (LUAR JANGKA)

- Penjimatan penggunaan kertas membantu memelihara alam sekitar dengan mengurangkan pembalakan dan pencemaran. (**Lampiran 27**)
- Pengurangan pelepasan karbon daripada penggunaan bahan api seperti petrol menyumbang secara langsung kepada usaha membendung perubahan iklim yang semakin membimbangkan. (**Lampiran 27**)
- Menyokong Matlamat Pembangunan Mampan PBB (UN SDG) 13: Tindakan terhadap Perubahan Iklim (Climate Action) dan 15: Kehidupan di Darat (Life on Land). (**Lampiran 27**)

5.0 POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK

5.1 TAHAP KETERSEDIAAN TEKNOLOGI / SISTEM / PROSES

Inovasi *Meta-Assess* telah mencapai tahap kesediaan teknologi yang tinggi dengan:

- Infrastruktur Sedia Ada - berasaskan platform *Google Workspace* (Form, Sheet, Meet) yang stabil dan selamat.
- Kematangan Proses - mempunyai SOP lengkap untuk operasi harian ,dilengkapi manual pengguna dan pentadbir, sistem sokongan teknikal dalaman yang berfungsi baik.
- Kemampuan Skalabiliti - boleh menampung sehingga 10,000 permohonan/bulan tanpa peningkatan infrastruktur, reka bentuk modular membolehkan penambahan fungsi baru
- Membuat carta alir kerja atau manual kerja baru

Cadangan Penambahbaikan:

- Integrasi dengan sistem ePBT Online
- Pembangunan dashboard analitik real-time dan data visualisasi.

5.2 TAHAP REPLIKASI ATAU PENGKOMERSIALAN

Projek ini mempunyai potensi replikasi yang tinggi antaranya replikasi dalam organisasi sendiri. Sebagai contoh Jabatan Perlesenan MPKj telah mengadaptasi inovasi *Meta-Assess* untuk:

- Permohonan lesen perniagaan dalam talian
- Pengurusan bantahan lesen

Selain itu, berdasarkan pencapaian yang telah diperoleh dapat menjadi garis panduan kepada pihak berkuasa tempatan dan sektor lain bagi melaksanakan proses bantahan dengan lebih efisien dan mudah.

5.3 PENUTUP

Inovasi *Meta-Assess* telah membuktikan keberkesanannya sebagai penyelesaian kos efektif untuk transformasi digital PBT. Ianya juga model terbaik amalan (*best practice*) dalam pengurusan bantahan cukai taksiran. Selain itu juga, ianya boleh menjadi pemangkin kepada budaya inovasi dalam perkhidmatan awam.

LAMPIRAN 1

SURAT LANTIKAN



JABATAN PENILAIAN MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	
MEMO ANTARA JABATAN/BAHAGIAN/UNIT	
" BERETIKA KEHIDUPAN BERKUALITI "	
#KitaSelangor	
Kepada : Senarat Edaran	Ruj. Kami : MPKj.40/JPN/KIK/Jld.1 ()
Pengarah	
Daripada : Jabatan Penilaian, MPKj (JPN)	Tarikh : 19 hb. Januari 2023

Tuan/Puan,

PERLANTIKAN SEBAGAI AHLI KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) JABATAN PENILAIAN, MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

Dengan segala hormatnya dan sukacitanya dimaklumkan bahawa tuan / puan telah dilantik sebagai Ahli Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Jabatan Penilaian, Majlis Perbandaran Kajang.

1) Kerjasama dan komitmen tuan / puan amatlah dihargai untuk sama-sama menyumbang penglibatan dalam program ini.

Sekian dimaklumkan.

" SELANGOR MAJU BERSAMA "
" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,



(Sr MOHAMAD ANDREI TAN BIN BIBIT)

PERLANTIKAN SEBAGAI AHLI KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) JABATAN PENILAIAN, MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

Senara Edaran:

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	Encik Mohamad Razali Bin Kamarudin	Penolong Pengarah Penilaian
2.	Puan Nursyaza Fazreen Binti Abd Wahab	Penolong Pegawai Penilaian
3.	Puan Anita Binti Dollah Kosnan	Pembantu Penilaian Kanan
4.	Puan Shafinas Binti Mohammad Nasir	Pembantu Penilaian
5.	Encik Mohd Burhan Bin Abdul Rahman	Pembantu Penilaian
6.	Encik Zulhelmi Bin Azizan	Pembantu Penilaian



LAMPIRAN 2

SENARAI PEGANGAN MAJLIS PERBANDARAN KAJANG



JENIS HARTA	JUMLAH PEGANGAN
KEDIAMAN	306,759
KEDIAMAN (SIMPANAN MELAYU)	5,177
PERNIAGAAN	52,264
PERNIAGAAN (SIMPANAN MELAYU)	163
PERUSAHAAN	7,909
PERUSAHAAN (SIMPANAN MELAYU)	12
TANAH PERTANIAN	1,710
LAIN-LAIN	824
JUMLAH KESELURUHAN	374,818

LAMPIRAN

LAMPIRAN 3

PENGUATKUASAAN CUKAI TAKSIRAN MPKj MENGIKUT PENGAL

BIL	TARIKH KUATKUASA	PERTAMBAHAN PEGANGAN	PURATA PERTAMBAHAN PEGANGAN PER TAHUN
1	1 JANUARI 2020	8,414	5,259
2	1 JULAI 2020	2,105	
3	1 JANUARI 2021	7,118	5,497
4	1 JULAI 2021	3,876	
5	1 JANUARI 2022	2,616	2,616
6	1 JULAI 2022	0	
7	1 JANUARI 2023	7,177	7,247
8	1 JULAI 2023	7,317	
9	1 JANUARI 2024	0	26,764
10	1 JULAI 2024	26,764	
11	1 JANUARI 2025	4,393	4,393



LAMPIRAN

LAMPIRAN 4

CARTA PERBATUAN

[illegible]

LAMPIRAN 5

OBJEKTIF ORGANISASI MAJLIS PERBANDARAN KAJANG



Misi Visi dan Objektif



Objektif

Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) komited dalam memberi perkhidmatan pengurusan perbandaran yang efisien, berkualiti, dan bertanggungjawab bagi memastikan kepuasan pelanggan. Memberikan perkhidmatan pengurusan perbandaran yang terbaik, berkualiti, telus dan efisien selaras dengan **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030**. Menjadikan Kajang sebagai perbandaran yang selesa dengan keindahan semulajadi, warga yang bestari ke arah pembangunan mampan serta pusat sate yang terunggul.



Visi

Bandaraya berdaya huni menjana ekonomi negara



Misi

Pembangunan seimbang yang menekankan konsep dayahuni serta kehidupan lestari penjana ekonomi setempat ke arah bandaraya sejahtera



Moto

Perbandaran Harmoni
Memberdaya Ekonomi Mampan

LAMPIRAN 6

RANCANGAN MALAYSIA KE-12 (RMKE-12)

Pemangkin Dasar RMKe-12

Pencapaian sasaran yang ditetapkan di bawah tiga tema menjana semula ekonomi, memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti serta melonjakkan kemampanan disokong oleh empat pemangkin dasar yang difokuskan untuk membangunkan bakat masa hadapan, mempercepat penerimgunaan teknologi dan inovasi, menambah baik ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan serta memperkukuh perkhidmatan awam. Pemangkin dasar ini membentuk asas dan komponen penting pembangunan Malaysia sepanjang lima tahun akan datang dan tahun-tahun seterusnya.

Pemangkin Dasar 1



Membangunkan Bakat Masa hadapan

Pemangkin Dasar 2



Mempercepat Penerimgunaan Teknologi dan Inovasi

Pemangkin Dasar 3



Menambah Baik Ketersambungan dan Infrastruktur Pengangkutan

Pemangkin Dasar 4



Memperkukuh Perkhidmatan Awam

Pemangkin Dasar 4: Memperkukuh Perkhidmatan Awam

Pemacu Perubahan XIV: Mentransformasi Perkhidmatan Awam melalui Pendekatan Keseluruhan Kerajaan

